

BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Doktor Rahman bertugas di_____.

- | | |
|----------------------------|------------------------------|
| A. Sekolah Kebangsaan Raya | C. Hospital Sultanah Fatimah |
| B. Balai Polis Sibu | D. Masjid Al-Solehin |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Tok Mak Rahmah sedang menghiris bawang. _____ hendak menggoreng sayur tegas.

- | | |
|-----------|---------------|
| A. Engkau | C. Tuan hamba |
| B. Dia | D. Beta |

3. Di belakang rumah Datuk Ali ada _____ anak sungai yang sangat jernis dan sejuk.

- | | |
|------------|-------------|
| A. sebuah | C. sebatang |
| B. sederet | D. seikat |

4. Kedudukan rumah Alicia yang sangat _____ dengan sekolah menyebabkan dia sering datang awal ke sekolah..

- | | |
|-----------|-----------|
| A. rapat | C. jauh |
| B. hampir | D. jarang |

5. Syafiq _____ sate ayam dan sate kambing di halaman rumahnya sambil memerhati anak-anaknya bermain bola

- | | |
|---------------|------------|
| A. membakar | C. merebus |
| B. menggoreng | D. menumis |

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Lee Pik Kong sedang mencuci kereta _____ abangnya menyiram pokok bunga.

- | | |
|-------------|-------------|
| A. atau | C. tetapi |
| B. manakala | D. walaupun |

7. Puan Fatimah menggantung bingkai gambar keluarganya _____ dinding ruang tamu mereka

- | | |
|---------|-----------|
| A. pada | C. di |
| B. dari | D. kepada |

8. Di _____ jalan ini terdapat sebuah kawasan air terjun yang sangat cantik.

- | | |
|----------|-----------|
| A. atas | C. dalam |
| B. bawah | D. hujung |

9. _____ Camelia membeli kasut yang cantik itu?

- | | |
|-----------------|---------------|
| A. Bagaimanakah | C. Di manakah |
| B. Siapakah | D. Apakah |

10. " _____, sakitnya perutku ini!" keluh si monyet selepas dia termakan cili yang pedas.

- | | |
|-----------|---------|
| A. Aduhai | C. Aduh |
| B. Amboi | D. Cis |

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Murid-murid bergotong-royong _____ pokok bunga di kawasan sekolah..
- | | |
|-------------|------------|
| A. menanam | C. ditanam |
| B. menanami | D. tanaman |
12. "Program Jom Sihat itu _____ kita sertai minggu hadapan," ujar Chung Kai kepada Sani.
- | | |
|----------|-----------|
| A. mesti | C. sedang |
| B. masih | D. belum |
13. _____ murid diwajibkan hadir ke sekolah dewan untuk mendengar taklimat daripada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
- | | |
|-------------|---------------|
| A. Setengah | C. Sesetengah |
| B. Separuh | D. Semua |
14. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.
- Abang tidak gemar akan peria kerana rasanya pahit.
- | |
|---|
| A. Rasa pahit yang menyebabkan abang tidak suka akan peria. |
| B. Abang tidak gemar akan makanan yang pahit seperti peria. |
| C. Menurut abang, dia tidak gemar akan rasa pahit pada peria. |
| D. Rasa pahit pada abang menyebabkan peria tida suka. |
15. Fiona dan adiknya Felia sememangnya _____ Encik Stanley dan Puan Julia. Oleh sebab itu, setiap kehendak mereka berdua sering dipenuhi dan dituruti.
- | | |
|---------------|----------------|
| A. buah hati | C. ada hati |
| B. besar hati | D. keras hati. |

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pagi-pagi ke Warung Wak Imi,
Ke Warung Wak Imi bersama sahabat,
Bertolak ansur saling memahami,
Hubungan persahabatan kian **erat**.

Ada bunga di dalam peti,
Bunga dibeli di Tasik Bera,
Andai kita saling hormati,
Negara damai rakyat sejahtera.

Air kopi rasanya pekat,
Mari minum bersama tuan,
Jadikan amalan hidup muafakat,
Tambah erat ikatan perpaduan.

16. Mengapakah kita perlu saling bertolak ansur dan memahami dalam persahabatan?
- A. Agar semua orang rasa gembira.
 - B. Supaya hubungan persahabatan bertambah erat.
 - C. Supaya tidak bergaduh.
 - D. Supaya tidak dimarahi oleh ibu bapa.
17. Perkataan **erat** dalam pantun bermaksud ?
- A. hampir
 - B. sayang
 - C. rapat
 - D. jauh

18. Apabila rakyat saling menghormati, _____.
- A. negara akan porak-peranda
 - B. masyarakat hidup aman damai
 - C. negara luar akan memberikan pujian
 - D. dipandang hina oleh masyarakat setempat.
19. Antara berikut, manakah contoh amalan muafakat?
- A. Gotong-royong membersihkan kawasan tempat tinggal.
 - B. Makan sendiri di rumah masing-masing.
 - C. Membuang sampah ke rumah jiran.
 - D. Membuat bising pada tengah malam.
20. Semua yang berikut adalah nilai murni yang terdapat dalam pantun kecuali
- A. Bertolak ansur
 - B. Menghormati
 - C. Berjimat cermat
 - D. Empati

BAHAGIAN B
[30 markah]

Soalan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. [6 markah]

harap	Usah	Sila
Minta	jemput	

1. Hanim, _____ datang ke rumah saya hujung minggu ini untuk meraikan hari jadi adik saya.
2. _____ mandi di sungai itu kerana airnya sangat deras.
3. _____ beratur mengikut kumpulan masing-masing.
4. Saya _____ kita boleh berjumpa lagi selepas ini.
5. _____ ibu atau ayah kamu hadir ke dewan sekolah esok pagi.
6. George, _____ hantar buku dan beg ini ke bilik guru.

[5 markah]

Soalan 2

*Bina ayat menggunakan **kata majmuk** yang diberikan.*

- 1) surat + khabar =

- 2) telefon + bimbit =

- 3) kapal + layar =


4) kasut + sukan =

5) rumah + sewa =

[10 markah]

Soalan 3

Isi tempat kosong dengan **kata ganda berentak** yang betul.



- 1) Pengemis di tepi Kedai Pak Samad itu berpakaian _____.
- 2) Badan Afia _____ kerana dia terjatuh daripada basikal ketika pulang ke rumah.
- 3) "Aidil, tolong mak belikan _____ di Kedai Pak Rashid" kata mak kepada Aidil.
- 4) Raju dan kawan-kawannya membina stor sukan menggunakan _____.
- 5) Rambut Ah Lee kelihatan _____ selepas pulang ke sekolah kerana terkena hujan lebat.

[5 markah]

Soalan 4

Gambar di bawah menunjukkan suasana di taman rekreasi.
Lengkapkan lima ayat tentang aktiviti-aktiviti berdasarkan gambar.



1) memetik gitar

memasang khemah

2)

menebas semak

3)

menjerang air

4)

mengumpul kayu api

5)

[10 markah]